

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. PROF. DR. MOHD HAFIZ MOHD HANAFIAH  
TIMBALAN REKTOR BAHAGIAN HUBUNGAN  
INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN  
KEUSAHAWANAN (ICARE)**

## **MEWAKILI**

**YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL  
RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

## **SEMPENA**

**PERASMIAN DEWAN BESTARI DAN DAPUR HEP  
KAMPUS SUNGAI BULOH**

**6 MAC 2025 | KHAMIS | 6:00 PETANG**

**RC 1**

**KAMPUS SUNGAI BULOH**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL  
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Universiti Teknologi MARA

**YBrs. Profesor Madya Dr. Mohd Haidzir Abd. Manaf**

Penolong Rektor

Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan

**YBrs. Profesor Madya Dr. Norazmir Md. Nor**

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

**YBrs. Dr. Norhasnida Nordin**

Pengetua Kolej Kediaman

Barisan Dekan dan Timbalan Dekan Hal Ehwal

Pelajar dari Fakulti Perubatan dan Pergigian

Ketua bahagian dan Unit dari Pejabat Penolong

Rektor

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa

Perwakilan Kolej

Warga UiTM Cawangan Selangor, staf dan pelajar,

tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan**

**Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir atas kesudian melapangkan waktu untuk turut sama menjayakan **Majlis Perasmian Dewan Bestari dan Dapur HEP, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh**.
3. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada YBrs. Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM atas kesudian meluangkan masa dan hadir bagi menyempurnakan perasmian.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

4. Pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor melihat inisiatif ini bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi juga melambangkan komitmen universiti dalam menyediakan ekosistem pembelajaran dan kebajikan yang lebih holistik kepada warga kampus.
5. Saya percaya, pembangunan Dewan Bestari dan Dapur HEP adalah langkah strategik dalam meningkatkan kualiti pengalaman pelajar di kampus ini.
6. Saya melihat kewujudan Dapur HEP adalah sebagai sebahagian daripada inisiatif kebajikan universiti untuk membantu pelajar yang memerlukan.

7. Dapur ini bukan sekadar penyediaan makanan, tetapi juga simbol keprihatinan dan kasih sayang dalam komuniti kita.
8. Dengan adanya kemudahan ini, kita dapat memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar sentiasa terjaga.
9. Saya turut dimaklumkan, Dewan Bestari pula bakal menjadi pusat kegiatan pelajar, pembelajaran bersepadu, dan interaksi sosial yang lebih bermakna.
10. Saya berharap dewan ini akan menjadi platform utama bagi aktiviti-aktiviti akademik, pembangunan diri, serta jaringan ukhuwah antara pelajar dan staf.
11. Saya yakin kemudahan yang disediakan dapat menjadi pemangkin kepada pelbagai program yang

membawa manfaat kepada warga kampus, sekaligus menyokong visi UiTM dalam melahirkan graduan holistik dan berkualiti.

**Hadirin yang dikasihi,**

12. Kita telah berada di dalam bulan Ramadan, bulan penuh keberkatan, dan kesempatan untuk memperkukuh nilai-nilai kemanusiaan serta ukhuwah sesama kita.
13. Justeru, saya menyeru agar kita semua menjadikan Ramadan ini sebagai ruang untuk memperbanyakkan amalan kebajikan, memperkukuh silaturrahim, serta membantu mereka yang memerlukan.
14. Saya juga amat berharap agar Dapur HEP dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya sepanjang bulan Ramadan ini, khususnya dalam memastikan tiada

pelajar yang menghadapi kesulitan dalam mendapatkan makanan.

15. Ini adalah tanggungjawab kita bersama dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan komuniti kampus sentiasa terpelihara.

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan projek ini.

17. Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran di sisi Allah SWT.

18. Saya berharap kemudahan yang kita rasmikan hari ini akan memberi manfaat besar kepada warga kampus dan menjadi titik tolak kepada lebih banyak

inisiatif kebajikan dan pembangunan pelajar di masa hadapan.

19. Izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

Dapur HEP prasarana lestari,  
Kebajikan pelajar sentiasa diberi.  
Dewan Bestari ruang inspirasi,  
Mendukung ilmu, mencipta misi.

**Sekian.**

**Wabillahi taufiq walhidayah**

**wassalamualaikum warahmatullahi**

**wabarakatuh.**